



PELAN JANTI RASUAH



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

KANDUNGAN

PERUTUSAN DATUK BANDAR	1
PENGENALAN PELAN ANTI RASUAH	2
KONSEP PELAN ANTI RASUAH	3
KEPERLUAN PELAN ANTI RASUAH	4
KAEDAH PELAKSANAAN	
BIDANG - BIDANG BERISIKO	5
STRATEGI UTAMA MBAS	6-7
- TERAS 1	
- TERAS 2	
- TERAS 3	
- TERAS 4	
OBJEKTIF STRATEGI	8-16
- STRATEGI 1	
- STRATEGI 2	
- STRATEGI 3	
- STRATEGI 4	
PRINSIP PENGURUSAN ANTI RASUAH MBAS	17
MEKANISME PELAKSANAAN	18

Perutusan Datuk Bandar Alor Setar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, dengan izin limpah kurniaNya, mbas sekali lagi telah berjaya menyediakan Pelan Anti Rasuah (PAR) 2020 - 2024. PAR ini dirangka bersama dan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut kesesuaian berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam pada masa kini.

Cabaran penjawat awam masa kini amat rumit dalam memastikan etika kerja dan integriti diamalkan dalam sesebuah organisasi. Kepesatan pembangunan, ekonomi dan teknologi masa kini mewujudkan keinginan dan kemahuan yang tinggi pada individu terutamanya penjawat awam bagi mencapai kepuasan diri. Dengan penyediaan PAR ini, MBAS dapat mendidik warga kerja agar tidak terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang boleh menjejaskan imej MBAS sekaligus, merosakkan kerjaya dan kehidupan individu tersebut.

Pencapaian dan kejayaan MBAS bergantung kepada tadbir urus yang cemerlang dalam usaha melahirkan warga kerja yang kompeten, dinamik, berintegriti dan bertanggungjawab untuk memastikan MBAS disegani dimata masyarakat. Justeru, pelaksanaan PAR ini, saya berharap warga kerja MBAS dapat memahami dan melatih diri untuk mengamalkan etika kerja cemerlang agar perkhidmatan yang disediakan adalah yang terbaik, sekaligus merealisasikan misi MBAS iaitu “ memacu kecermerlangan Majlis Bandaraya Alor Setar yang mapan berteraskan organisasi berkualiti, inovatif, responsif dan komited kepada pembangunan lestari untuk mencapai perbandaran berdayahuni 2035 “.

Sekian wasalam,

DATO' ZAID BIN AHMAD, DSDK.,AMK.,BCK.
Datuk Bandar Alor Setar





PENGENALAN PELAN ANTI RASUAH

Pelan anti rasuah (PAR) adalah strategi pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan sebagai usaha dalam menjadikan MBAS sebuah organisasi yang sistematik dalam membudayakan organisasi yang bebas rasuah. Ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung kesalahan jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta melahirkan warga organisasi yang berintegriti tinggi yang berpegang teguh kepada undang - undang, peraturan dan kod etika kerja yang berdisiplin. Melaksanakan usaha dalam pencegahan rasuah melalui Pelan Anti Rasuah (PAR). Meletakkan tanggungjawab bersama untuk membanteras jenayah rasuah kepada organisasi itu sendiri.

VISI

Mewujudkan persekitaran hidup yang berintegriti dan berkualiti kearah Bandaraya Berdayahuni

MISI

Merealisasikan Agenda Perancangan MBAS melalui, perkhidmatan perbandaran untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

MOTO

Iltizam Amalan Kita





KONSEP PELAN ANTI RASUAH

Cabaran mbas dalam usaha pencegahan rasuah ialah untuk meningkatkan kesedaran kepada warga kerja dalam memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa serta meningkatkan integriti didalam organisasi.

Faktor-Faktor Kearah Menjejaskan Integriti

I. Kepimpinan

- Kepimpinan kurang teladan, lemah iltizam
- Arahan pemimpin yang melanggar prosedur dan peraturan

II. Sistem dan prosedur

- Kurang ketulusan dalam prosedur
- Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan
- Kurang penguatkuasaan dan pilih kasih
- Kurang pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad
- Kerangka undang – undang lapuk dan percangahan dalam undang – undang

III. Individu

- Kurang pendidikan dan penghayatan nilai – nilai murni
- Etika kerja lemah
- Tamak

IV. Budaya

- Enggan membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli





KEPERLUAN PELAN ANTI RASUAH

Mempertahankan MBAS dalam menjadikan PBT yang berintegriti.

Menilai dengan lebih baik budaya kerja MBAS.

Menjadikan SPRM sebagai agensi yang membantu sebagai fasilitator dengan memberikan latihan dan khidmat nasihat kearah usaha - usaha dalam pencegahan rasuah.

Meningkatkan martabat MBAS yang berintegriti.

Usaha dalaman pencegahan rasuah akan lebih berkesan jika ianya dilaksanakan oleh warga mbas sendiri.

KAEDAH PERLAKSANAAN

I. Mengenalpasti isu berbangkit

Mengenalpasti isu-isu yang berkaiatan dengan perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang berlaku serta akan mejejaskan integriti dan keupayaan organisasi.

II. Membuat analisa dan kajian

Strategi PAR berdasarkan data-data iaitu maklumat/tomahan/laporan mengenai staff agensi/ jabatan berkenaan. Membuat analisa terhadap usaha-usaha peningkatan integriti yang telah dijalankan dan kajian impak keberkesanannya.

III. Merangka PAR

Rangka tindakan yang memperjelaskan matlamat dan strategi kearah meningkatkan integriti dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi.



BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang teredah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MBAS yang telah dikenalpasti :





STRATEGI UTAMA MBAS

TERAS
1

MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Untuk memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, inisiatif seperti program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan, peningkatan pemantauan penjawat awam, urusan tapisan integriti, pemberian pengiktirafan serta penyediaan latihan merupakan antara pengisian strategi yang dimaksudkan.

STRATEGI 1

Memacu Perkhidmatan Awam
Ke Arah
Tadbir Urus Terbaik

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Integriti
Dalam Proses Pengambilan,
Pemilihan Dan Perlantikan
Kakitangan MBAS

STRATEGI 3

Menambahbaik Keberkesanan
Pembangunan Profesionalis
Berterusan Dalam Kalangan
Pegawai Awam

TERAS
2

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, di samping program latihan dan pemulihan telah dikenalpasti.

STRATEGI 1

Meningkatkan Ketelusan
Perolehan Awam, Pengurangan
Risiko Rasuah Dan
Penyelewengan





TERAS
3

MENGINTITUSIKAN KECEKAPAN DAN PENGAMALAN PROFESIONALISME DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan dan pengemaskinan prosedur, peraturan serta perundangan yang sedia ada. Ia turut memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti, penggunaan teknologi dan pengurusan keselamatan ICT.

STRATEGI 1

Meningkatkan Kecekapan Dan Penguatkuasa Undang-Undang

STRATEGI 2

Memperkuatkan Penguatkuasaan Undang-Undang

STRATEGI 3

Menambahbaik Perundangan Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

TERAS
4

MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM ORGANISASI

Bagi memupuk tadbir urus baik, pemerksaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititik beratkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan tapisan pelantikan, urusan latihan, Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja juga tidak boleh diabaikan.

STRATEGI 1

Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam Mbas



PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

OBJEKTIF STRATEGI 1 : MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

BIL	STRATEGI	POTENSI/RISIKO	TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Memacu Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Terbaik	Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan tender/sebutharga Kelewatan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap	Taklimat khusus berkenaan Perlindungan Pemberi Maklumat/ <i>Whistleblower Policy</i> Mengadakan taklimat mengenai Akta SPRM 2009 Membangunkan kit pengurusan yang merangkumi aspek peraturan tataertib, kewangan, sumber manusia dan pengurusan secara am	Bhg Kualiti Dan Komunikasi Korporat Bhg Kualiti Dan Komunikasi Korporat	2020 2020
2	Memperkukuhkan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Perlantikan Kakitangan MBAS	Pegawai Penempatan terdedah kepada sogokan / rasuah untuk menempatkan pegawai-pegawai di jawatan sensitif	Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/seminar dalam aspek <i>governans</i> , integriti dan antirasuah	Bhg Sumber Manusia	2020-2024
3	Menambahbaik Keberkesanan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam	Ketidakcekapan pegawai menyebabkan tugas tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya	Melaksanakan Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang melibatkan aspek generik dan fungsional Mewujudkan pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi	Bhg Sumber Manusia	2020-2024 2020-2024



PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

OBJEKTIF STRATEGI 2 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

BIL	STRATEGI	POTENSI/RISIKO	TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah Dan Penyelewengan.	Salah gunakuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan	Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara Jabatan/Bahagian Menjadikan kursus kewangan dan perolehan dan integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru	Bhg Audit Dalam	2020-2024
		Kebocoran maklumat tender/sebut harga menjejaskan pelaksanaan perolehan dari segi pemilihan syarikat yang tidak kompeten, pembekalan/pembinaan tidak sempurna seterusnya membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah	Memperkuhkan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia Menjalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan/kaunseling/pengisytiharan harta lebih kerap	Bhg Bekalan Kontrak	2020-2024
				Bhg Sumber Manusia	2020-2024



PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

	Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan	Mengadakan program Pembangunan Kemahiran Pengurusan Perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai MBAS	Bhg Sumber Manusia	2020-2024
	Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan	Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan Pekeliling Perbendaharaan yang dikuatkuasakan	Bhg Bekalan Kontrak	2020-2024
Pakatan di antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam	Pakatan di antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam	Melakukan semakan dan kajian semula Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan	Bhg Bekalan Kontrak	2020-2024
		Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/sebut harga	Bhg Bekalan Kontrak	2020-2024
		Pengauditan dan naziran berkala oleh pihak berkecuali	Bhg Audit Dalam	2020-2024



OBJEKTIF 3 : MENINGKATKAN KREDIBILITI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

BIL	STRATEGI	POTENSI/RISIKO	TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Meningkatkan Kecekapan Dan Penguatkuasa Undang-Undang	Kelemahan penyediaan kertas siasatan oleh pegawai penyiasat yang menjurus kepada keputusan tidak tepat oleh Pegawai Undang-Undang, Berlakunya kebocoran dan kehilangan maklumat kertas siasatan	Mengajukan kursus pengurusan kertas siasatan dalam penyediaan kertas siasatan yang berkualiti dan tatacara pengurusan dokumen terperinci Mengadakan kursus Kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972	Bhg Undang-Undang	2020-2024
			Melaksanakan penilaian keselamatan sistem (SPA-Security Posture Assessment)	Bhg Pentadbiran	2020-2024
		Risiko rasuah semasa pemeriksaan berkala bagi premis dan dokumen urusniaga.	Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam urusan pemeriksaan berkala .	Bhg Perlesenan	Setiap 2 Tahun
			Membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam urusan serbuan premis.	Bhg Perlesenan	2020-2024
			Mengeluarkan arahan serta membangunkan manual penggunaan kamera kecil di badan pegawai penyiasat/penguatkuasa semasa siasatan.	Bhg Penguatkuasaa & Bhg Undang-Undang	2020-2024

PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



	Tindakan penguatkuasaan yang lemah terhadap aduan yang diterima di peringkat Pesuruhjaya Banguanan di Pihak Berkuasa Tempatan (COB PBT)	Memperkuhkan Jawatankuasa Pemantauan COB	Pengurusan Harta	2020-2024
2	Penguatkuasaan yang lemah terhadap kesalahan pelanggaran undang-undang pelesenan	Pembailian kes kepada Tribunal Pengurusan Strata (TPS) bagi kes-kes melibatkan keputusan COB PBT	Bhg Pengurusan Harta	2020-2024
3	Penguatkuasaan yang lemah terhadap kesalahan pelanggaran undang-undang pelesenan	Kemas kini Akta Pengurusan Strata (Akta 757)	Bhg Pengurusan Harta	2020-2024
	Penguatkuasaan yang lemah terhadap kesalahan pelanggaran undang-undang pelesenan	Menubuhkan satu pasukan khas bagi melaksanakan pemeriksaan menjejut ke atas pasukan pemantauan dan siasatan bahagian	Bhg Undang-Undang	2020-2024
	Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/tidak lagi sesuai yang menjerus kepada kelemahan penguatkuasaan	Mengambil tindakan punitif ke atas pelanggaran undang-undang pelesenan	Bhg Penguatkuasa & Bhg Undang-Undang	2020-2024
	Menambahbaik Perundangan Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang	Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam penggubalan Akta baharu	Bhg Undang-Undang	2020-2020



OBJEKTIF 4 : MEMUPOUK TADBIR URUS BAIK DALAM ENTITI KORPORAT DAN PERUNDANGAN

BIL	STRATEGI	POTENSI/RISIKO	TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam Mbas	<p>Pengurusan aduan MBAS yang tidak cekap</p> <p>Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas memproses permohonan lesen / penguatkuasaan di MBAS</p> <p>Tadbir urus kewangan yang tidak teratur, penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan kewangan di Kementerian</p>	<p>Menambahbaik Sistem Pengurusan Aduan MBAS</p> <p>Mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Aduan sebagai panduan kepada Pegawai Pengurusan Di Bahagian/Jabatan/Agensi</p> <p>Mengadakan bengkel pemantapan pengetahuan peraturan serta akta bagi Pegawai baharu/Pegawai Siasatan</p> <p>Mengemaskini dan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada dipatuhi</p> <p>Peningkatan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai MBAS</p> <p>Menambahbaik dan mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan</p>	<p>Bhg Kualiti Dan Komunikasi Korporat</p> <p>Bhg Kualiti Dan Komunikasi Korporat</p> <p>Jabatan Kesihatan Persekutaran</p> <p>Bhg Perlesenan</p> <p>Jabatan Kewangan & Bhg Bekalan Kontrak</p> <p>Jabatan Kewangan & Bhg Bekalan Kontrak</p>	<p>2020-2024</p> <p>2020-2024</p> <p>Setiap 2 Tahun</p> <p>2020-2020</p> <p>2020-2024</p> <p>2020-2024</p>

PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



			Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara Jabatan/Bahagian	Bhg Audit Dalam	2020-2024
		Kelemahan pengurusan aset alih MBAS	<p>Mengadakan Kursus Pengurusan Aset dan Taklimat Pemeriksaan Aset kepada Pegawai Pemeriksa berkaitan aset alih MBAS</p> <p>Pemantauan dan pelaporan data Smart Fleet Management kepada pihak pengurusan</p>	Bhg Pengurusan Harta	2020-2024
2	Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam Mbas	Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas pemantauan projek pembangunan di MBAS	<p>Mengadakan kursus pengurusan projek dan pentadbiran kontrak</p> <p>Memperkasakan pemantauan projek pembangunan oleh pihak pengurusan dengan meningkatkan lawatan tapak dan mengadakan sesi engagement dengan pihak berkaitan serta mesyuarat intervensi</p> <p>Meneliti dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan</p>	<p>Bhg Sumber Manusia</p> <p>Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan & Jabatan Kawalan Bangunan</p> <p>Jabatan Kejuruteraan & Jabatan Perancangan</p>	<p>2 Tahun sekali</p> <p>Setiap Tahun</p> <p>Setahun Sekali</p>



PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan sumber manusia di MBAS	Memperkasakan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalaman dan tatacara berkaitan penempatan agar selari dengan pekeliling	Bhg Sumber Manusia	2020-2024
	Memperkasakan dan menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dalaman urusan kenaikan pangkat agar selari dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh agensi induk	Bhg Sumber Manusia	2 Tahun Sekali
	Mengenalpasti pegawai yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling	Bhg Sumber Manusia	Setiap Tahun
	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sensitif (3-8 tahun) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/2004	Bhg Sumber Manusia	Setiap Tahun
	Melaksanakan naziran perjawatan dan pengisian di MBAS	Bhg Audit Dalam	2 Tahun Sekali

PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR



<p>Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan pemilihan penerima bantuan/subsidi bagi program-program Pemasnian Kemiskinan Bandar (PPKB)</p>	<p>Mengemaskini dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) serta arahan dalam dan memastikan arahan dipatuhi sepenuhnya</p>	<p>Bhg Pentadbiran</p>	<p>2 TahunSekali</p>
	<p>Melaksanakan pengauditan dan pemeriksaan secara mengejut oleh Ketua Jabatan ke atas proses pemilihan penerima bantuan PPKB</p>	<p>Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan</p>	<p>2020-2024</p>
	<p>Permohonan oleh NGO/PBT untuk pendaftaran PPKB melalui atas talian (online)</p>	<p>Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan</p>	<p>2020-2024</p>



PRINSIP PENGURUSAN ANTI RASUAH MBAS

Prinsip pengurusan anti rasuah MBAS adalah dasar yang dipegang oleh MBAS dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan OACP. MBAS telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut:

1) Komitmen Pengurusan Tertinggi

Pengurusan Tertinggi MBAS bertanggungjawab dalam memastikan MBAS:

- i) Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang Tertinggi
- ii) Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan anti rasuah yang berkuatkuasa
- iii) Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan

2) Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha anti rasuah MBAS. Sehubungan itu, MBAS akan:

- i) Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.
- ii) Memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman mahupun luaran .

3) Perlaksanaan Inisiatif

MBAS akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.

4) Pemantauan Dan Penilaian Secara Sistemik

Pemantauan dan penilaian secara sistemik dilaksanakan dengan memastikan :

- i) Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi
- ii) Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program
- iii) Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul.

Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan risiko anti rasuah sedia ada di MBAS.



PELAN ANTI RASUAH MBAS 2020 - 2024 MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

MEKANISME PELAKSANAAN

Bahagian Kualiti Dan Komunikasi Korporat sebagai Urus setia	Mesyuarat Pemantapan Governans, Integriti dan Anti rasuah bersama Datuk Bandar	Membentangkan pencapaian dan pelaporan OACP
<p>Bahagian Kualiti Dan Komunikasi Korporat sebagai Urus Setia</p>	<p>Jawatankuasa Anti rasuah (JAR) peringkat MBAS dipengerusikan oleh Datuk Bandar</p> <p>Ahli:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Setiausaha, MBAS 2) Timbalan Setiausaha, MBAS 3) Pengarah, MBAS 4) Ketua Bahagian, MBAS 	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif dibawah OACP setiap suku tahun - Mengenal pasti penyelesaian terbaik - Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi
<p>Penyelaras OACP Bahagian/Unit sebagai Urus Setia</p>	<p>Mesyuarat Pengurusan peringkat Bahagian/Unit</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan. - Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR